

TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSOLOR UTAM
UNTUK PROGRAM SPRING FESTIVAL PADA 04 MAREK

**TEKS UCAPAN Y.BHG. NAIB CANSOLOR SEMPENA MAJLIS PROGRAM
KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN
MELAKA**

Y.BHG. DATI PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAINI
DEKAN HAL ETRIAL PELAJAR DAN ALUMNI

Y.BHG. NAIB CANSOLOR UTAM
KAWA KANAR UNIVERSITI

**TEMPAT:
KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN
AYER KEROH, MELAKA**

YANG DIHORMATI ENCK CHAN SINCE JEN
PRESIDEN DEWAN PERWAKILAN ORA
YANG DIHORMATI DR. HAZRAT KALIA WILIA
PERWAKILAN PELAJAR UPM

Y.BHG. PROF. DR. ARJUN (SOU) LAH
TERBUK PARA PELAJAR YANG BANYA KOMUNITI

**TARIKH :
04 MAC 2007**

TAMBAH NAIB CANSOLOR (INTERNASIONAL)
ANTARABANGSA

TEKS UCAPAN YBHG NAIB CANSELOR UTeM
UNTUK PROGRAM SPRING FESTIVAL PADA 04 MAC
2007 SEMPERA TAHUN BARU CINA 2007 DI
KOMPLEKS BELIA DAN SUKAN AYER KEROH,
MELAKA

BISMILLAHIRRAHMANIRRAHIM

ASSALAMUALAIKUM WBKTH. DAN SALAM
SEJAHTERA

YANG DIHORMATI ENCIK CHAN SWEE YEN
PRESIDEN DEWAN PERHIMPUNAN CINA
MEWAKILI YB ENCIK WONG NAI CHEE

Y.BHG. PROF. DR. ABU BIN ABDULLAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (AKADEMIK &
ANTARABANGSA)

Y.BHG. DATUK PROF. MADYA DR ABU BAKAR BIN
MOHD DIAH

TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN &
INOVASI)

Y.BHG. DATO' PROF. DR. MOHD NOR BIN HUSAIN
DEKAN HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI

PEGAWAI-PEGAWAI KANAN UNIVERSITI,

YANG DIPERTUA DAN BARISAN EXCO MAJLIS
PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

SETERUSNYA PARA PELAJAR YANG SAYA HORMATI
SEKALIAN,

ALHAMDULLILAH, SYUKUR KITA KE HADRAT ALLAH SWT KERANA DENGAN IZINNYA KITA DAPAT BERHIMPUN BERSAMA PADA MALAM INI BAGI MENJAYAKAN MAJLIS SPRING FESTIVAL SEMPERA TAHUN BARU CINA 2007. RASANYA BELUM TERLAMBAT UNTUK SAYA MENGUCAPKAN GONG XI FA CAI KEPADA SEMUA WARGA UNIVERSITI KHUSUSNYA YANG BERBANGSA CINA.

TAHUN BARU CINA MERUPAKAN PERAYAAN YANG DISAMBUT OLEH MASYARAKAT CINA PADA SETIAP TAHUN DENGAN BEGITU MERIAH SEKALI. MENURUT SEJARAH, PERAYAAN INI PADA ASALNYA DISAMBUT UNTUK MERAIKAN MUSIM BUNGA DAN KETIBAAN HASIL TANAMAN YANG LUMAYAN. UNTUK ITU BAGI MERAIKANNYA MASYARAKAT CINA AKAN BERKUMPUL DAN BERSUKARIA BERSAMA-SAMA.

GOLONGAN MUDA YANG BERADA DI PERANTAUAN AKAN PULANG KE KAMPUNG DAN KE RUMAH IBUBAPA MASING-MASING. IA TELAH MEWUJUDKAN TRADISI KEPADA GOLONGAN MUDA UNTUK MEMBERI PENGHORMATAN KEPADA IBUBAPA DAN GOLONGAN YANG LEBIH TUA DI DALAM KELUARGA MEREKA.

TRADISI INI DITERUSKAN DARI GENERASI KE GENERASI PADA SETIAP KALI TIBANYA SAMBUTAN TAHUN BARU CINA. IA TELAH MENJADI SATU TRADISI YANG MURNI KERANA IA TELAH BERJAYA MEWUJUDKAN PERASAAN DAN BUDAYA MENGHORMATI ANTARA GOLONGAN MUDA KEPADA GOLONGAN YANG LEBIH TUA. HUBUNGAN KEKELUARGAAN TELAH DAPAT DIPERERATKAN TIDAK SAHAJA DI DALAM KELUARGA ITU SENDIRI TETAPI JUGA KEPADA SANAK SAUDARA, JIRAN TETANGGA DAN RAKAN-RAKAN.

SELEPAS ITU AMALAN MURNI TERSEBUT DIPANJANGKAN LAGI DENGAN AMALAN KUNJUNG-MENGUNJUNGI DI ANTARA SANAK SAUDARA DAN RAKAN-RAKAN UNTUK BERTANYA KHABAR SERTA MENGUCAPKAN TAHNIAH PADA SETIAP KALI MENYAMBUT PERAYAAN TAHUN BARU CINA. DENGAN BERPAKAIAN BARU DAN CANTIK, TRADISI INI MENJADI SATU BUDAYA YANG SANGAT BAIK DAN BERJAYA MEWUJUDKAN SUASANA YANG HARMONI DALAM MASYARAKAT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

HARI INI DI MALAYSIA BUDAYA UNTUK SALING MENGUCAPKAN TAHNIAH SERTA KUNJUNG MENGUNJUNGI TIDAK SAHAJA TERBATAS ANTARA MASYARAKAT CINA DENGAN MASYARAKAT CINA YANG LAIN. MASYARAKAT MAJMUK MALAYSIA MENYAMBUT PERAYAAN TAHUN BARU CINA INI DENGAN PERASAAN MUHIBAH DENGAN SALING

KUNJUNG MENGUNJUNGI PADA SETIAP PERAYAAN SAMA ADA TAHUN BARU CINA, HARI RAYA DAN DEEPAVALI.

MASYARAKAT PELBAGAI KAUM DI MALAYSIA AKAN MENGHADIRI MANA-MANA JUA RUMAH TERBUKA YANG DIADAKAN OLEH RAKAN-RAKAN YANG LAIN BAGI MERAIKANNYA. DENGAN BERPAKAIAN CANTIK DAN KEMAS MEREKA SALING MENGUCAPKAN TAHNIAH KEPADA PERAYAAN YANG DISAMBUT. DI SAMPING ITU MEREKA JUGA BERHARAP RAKAN-RAKAN MEREKA SENTIASA SIHAT DAN CERIA DALAM MENJALANI KEHIDUPAN SEHARIAN.

IA ADALAH SATU TRADISI YANG TELAH MENJADI IDENTITI KEPADA MASYARAKAT MALAYSIA PELBAGAI KAUM. IA JUGA TELAH BERJAYA MEMUPUK PERASAAN SALING HORMAT-MENGHORMATI DAN BERTOLERANSI ANTARA MEREKA. SEMANGAT PERPADUAN YANG TERJALIN

DARIPADA SAMBUTAN PERAYAAN-PERAYAAN INI TELAH DAPAT MENGIKIS PERASAAN MEMENTINGKAN DIRI SENDIRI SERTA MENJAMIN KEHARMONIAN DAN KEAMANAN NEGARA.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

MALAM INI KITA MENERUSKAN TRADISI INI DENGAN MENYAMBUT PERAYAAN TAHUN BARU CINA DENGAN MENGADAKAN SPRING FESTIVAL INI. PROGRAM INI TERBUKA KEPADA SEMUA MAHASISWA-MAHASISWI DI UNIVERSITI INI UNTUK SAMA-SAMA MERAIKANNYA. IA ADALAH SATU PELUANG KEPADA KITA UNTUK SAMA-SAMA MEMAHAMI DAN MEMPELAJARI SEBAHAGIAN DARIPADA KEBUDAYAAN MASYARAKAT CINA DI MALAYSIA.

KITA HARUS SEDAR BAHAWA DENGAN MENGENALI BUDAYA DAN TRADISI ANTARA MASYARAKAT PELBAGAI KAUM IA AKAN MENINGKATKAN KEFAHAMAN ANTARA KITA. INI AKAN MEWUJUDKAN SIKAP UNTUK SALING BERTOLERANSI DAN MENJIWAI TRADISI YANG TELAH MENJADI SEBAHAGIAN DARIPADA BUDAYA YANG TELAH DITERIMA OLEH NEGARA.

TRADISI DAN KEPELBAGAIAN BUDAYA DARI PELBAGAI KAUM DAN MASYARAKAT DI MALAYSIA INI TELAH MENJADIKAN KITA LEBIH DINAMIK DAN MENKAGUMKAN. MALAH YANG LEBIH MENKAGUMKAN IALAH KITA DAPAT MENERIMA KEPELBAGAIAN INI SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA TRADISI YANG MEWARNAI KEHARMONIAN, KEDAMAIAAN DAN KEAMANAN YANG TELAH KITA KECAPI SELAMA INI. TANPA RASA CURIGA KITA TELAH DAPAT HIDUP DALAM SUASANA YANG SANGAT MUAFAKAT.

HADIRIN DAN HADIRAT YANG DIHORMATI

SPRING FESTIVAL INI WAJAR MENJADI SATU PROGRAM DAN ACARA YANG DAPAT MEWUJUDKAN INTERAKSI ANTARA MAHASISWA-MAHASISWI UNIVERSITI INI. ELEMEN INTERAKSI DAN KOMUNIKASI ADALAH PENTING BAGI MENGUKUHKAN HUBUNGAN PERPADUAN KAUM ANTARA MAHASISWA-MAHASISWI.

SEBAGAI MASYARAKAT YANG TERPELAJAR KITA PERLU SEDAR BAHAWA SEMASA KITA MENUNTUT DI UNIVERSITI, KITA TIDAK DAPAT MENGELAK DARIPADA BERINTERAKSI DENGAN PELAJAR YANG TERDIRI DARI PELBAGAI KAUM SAMA ADA SEMASA SESI PENKULIAHAN ATAUPUN SEMASA MENGIKUTI AKTIVITI KOKURIKULUM SEPERTI SUKAN, KELAB, PERSATUAN DAN SEBAGAINYA. IA ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA PROSES PEMBELAJARAN UNTUK MENJADIKAN KITA

MASYARAKAT KAMPUS YANG LEBIH MATANG DAN BERSIFAT TERBUKA.

UNTUK ITU MENJADI TANGGUNGJAWAB KITA SENDIRI UNTUK MENINGKATKAN KEFAHAMAN DAN PERSEFAHAMAN ANTARA KAUM DI PERINGKAT UNIVERSITI. DENGAN ITU INTERGRASI NASIONAL AKAN LEBIH MUDAH DILAKSANAKAN SELEPAS KITA TAMAT PENGAJIAN DI SINI. UTAMAKANLAH SIKAP UNTUK MEMENTINGKAN AGENDA NEGARA DARIPADA KEPENTINGAN DIRI SENDIRI.

HARAPAN SAYA SEMOGA MAJLIS PADA MALAM INI MENJADI SATU MAJLIS SAMBUTAN TAHUN BARU CINA YANG SANGAT MERIAH DAN BERJAYA. UNTUK ITU KOMITMEN UNTUK MENJAYAKANNYA DEMI MENYEMAIKAN SEMANGAT PERPADUAN, RASA HORMAT-MENGHORMATI, BERTOLERANSI ANTARA SATU SAMA LAIN DAN MENJALINKAN KERJASAMA YANG TULIN LAGI IKHLAS ADALAH SANGAT

PENTING. MAJLIS PADA MALAM INI ADALAH LANDASAN KE ARAH PEMBETUKAN MAHASISWA-MAHASISWI YANG BERSATU LAGI HARMONI.

AKHIR KATA, SAYA INGIN MERAKAMKAN UCAPAN SETINGGI-TINGGI TAHNIAH DAN TERIMA KASIH KEPADA SEMUA AHLI-AHLI JAWATANKUASA SPRING FESTIVAL YANG TELAH BERUSAHA BERSUNGGUH-SUNGGUH UNTUK MENJAYAKAN MAJLIS PADA MALAM INI.

SEKIAN TERIMA KASIH.